

145,000 Pelancong Jerman Dijangka Lawat Malaysia Tahun Ini - Najib Bernama
13 April, 2013

KUALA LUMPUR, 13 April (Bernama) -- Datuk Seri Najib Tun Razak berkata 145,000 pelancong Jerman dijangka melawat Malaysia tahun ini.

Perdana Menteri melalui Twitternya berkata usaha mempromosikan Tahun Melawat Malaysia 2014 telah dilakukan di Jerman bersempena pameran perdagangan terbesar dunia di Berlin bulan lepas.

"Promosi Tahun Melawat Malaysia 2014 telah diadakan pada pameran perdagangan terbesar dunia di Berlin. Jangka 145,000 pelancong Jerman tahun ini," kata beliau.

Tahun lepas, sebanyak 131,277 pelancong Jerman melawat Malaysia, manakala pada 2011, sebanyak 124,670 pelancong Jerman mengunjungi Malaysia.

Dalam satu lagi Twitter, Najib berkata kerajaan akan terus memberi keutamaan kepada pendidikan dengan menggalakkan pembangunan Teknologi Maklumat serta memartabatkan guru-guru seperti mana yang terkandung dalam 'Aku Janji' Barisan Nasional.

Antara kandungan 'Aku Janji' itu dalam meningkatkan mutu pendidikan negara termasuklah memberi laluan mudah kepada 420,000 guru untuk kenaikan pangkat berdasarkan prestasi, penambahan bilangan sekolah dan meningkatkan penguasaan bahasa Kebangsaan dan bahasa Inggeris di kalangan pelajar Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK).

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=941836>